

04/12/1997

Tongkah Holdings susun semula struktur

Kadir Dikoh

TONGKAH Holdings Bhd (Tongkah Holdings), kumpulan pegangan pelaburan akan menyusun semula struktur kegiatan kumpulannya serta operasi dengan penempatan kesemua anak syarikat di bawah satu bumbung, bagi menghadapi tekanan kegawatan ekonomi negara sekarang.

Pengerusi Eksekutifnya, Mokhzani Mahathir, berkata langkah itu dijangka membantu Tongkah Holdings beroperasi dengan lebih cekap dengan kumpulan pengurusan lebih kecil.

"Kami yakin kumpulan pengurusan dan pelaburan berhemat yang dijalankan pada masa lalu serta rancangan penyusunan semula pelaburan akan menyediakan kami tapak yang kukuh untuk kami berdiri.

"Kami juga yakin bahawa kami mempunyai sumber untuk terus menghadapi krisis ekonomi sekarang ini dan akan muncul kembali sebagai kumpulan syarikat yang lebih mantap," katanya dalam laporan tahunan 1997 kumpulan syarikat itu.

Kumpulan Tongkah Holdings terbabit dalam kegiatan pengurusan kewangan, sekuriti, penjagaan kesihatan, pembuatan dan teknologi maklumat.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun lalu, perolehan kumpulan Tongkah Holdings menurun sebanyak 11.2 peratus daripada RM528 juta kepada RM468.7 juta, disebabkan oleh kelembapan pasaran industri elektronik pengguna dan komputer yang berterusan.

Mokhzani berkata, prestasi anak syarikat yang terbabit di dalam pengeluaran barangan dan komponen elektronik pengguna turut mengalami kemerosotan.

Namun begitu katanya, keadaan itu memberi peluang kepada anak syarikat terbabit untuk mengukuhkan kembali kedudukan mereka, meninjau pelbagai cara bagi menambah kecekapan dan produktiviti setelah mengalami pertumbuhan pesat selama empat tahun.

Katanya, keuntungan sebelum cukai kumpulan meningkat sebanyak 73.5 peratus daripada RM57.8 juta kepada RM100.3 juta. Pertumbuhan yang menggalakkan itu adalah berikutan sumbangan tinggi daripada Hospital Pantai apabila ia menjual pegangannya di dalam Parkway Holdings Ltd (Singapura).

Tahun akan datang kata beliau, akan menyaksikan perubahan secara menyeluruh di dalam aktiviti kumpulan dengan cadangan penyusunan semula korporat di antara Hospital Pantai dan Tongkah Holdings.

"Di bawah skim ini, sektor penjagaan kesihatan yang meliputi perkhidmatan sokongan dan operasi hospital akan bergabung menjadi aktiviti utama kumpulan. Tongkah Holdings akan membeli selebih 49 peratus ekuiti di dalam Tongkah Medinvest Sdn Bhd dan mengambilalih kesemua aset penjagaan kesihatan dan perniagaan dari Hospital Pantai Bhd.

"Kestrel Securities milik Tongkah Holdings pula akan dipindah milik ke Hospital Pantai Bhd. Selaras dengan penyusunan semula aktiviti perniagaan, penukaran nama yang membabitkan kedua-dua syarikat iaitu Tongkah Holdings dan Hospital Pantai Bhd sedang dirancang," katanya.

Bagaimanapun katanya, identiti syarikat akan terus dikekalkan dan orang ramai masih boleh mengingati kedua-dua syarikat itu dan sejarahnya.

Mokhzani berkata, memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu buat masa ini, kumpulan Tongkah akan memastikan yang syarikat di bawah naungannya akan diuruskan dengan berhati-hati dan bertanggungjawab.

Beliau berkata, strategi pihaknya pada masa kini ialah untuk mengukuhkan lagi perniagaan dan juga mencari rakan kongsi bagi memantapkan lagi teras

kecekapan. Begitu pun, sektor pembuatan masih terus menjadi teras kegiatan kumpulan.

Pelaburan di dalam Tongkah-OTTO (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama yang terbabit di dalam pembuatan, penjualan dan pengedaran tong sampah beroda adalah tepat pada masanya memandangkan projek penswastaaan pengendalian sisa buangan sedang dijalankan di seluruh negara.

Beliau berkata, pelaburan ini seterusnya dapat menyerlahkan lagi kedudukan kumpulan di dalam industri pengacuan kepersisan plastik di negara ini. Tahun ini juga, menyaksikan anak syarikat iaitu THB Industries Bhd mendapat kelulusan untuk disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Katanya, sektor perkhidmatan kewangan kumpulan juga sekali lagi mencatat kadar pertumbuhan mengalakkan di dalam pendapatannya tahun ini. Sumbangan sektor ini kepada pendapatan kumpulan menyamai sektor pembuatan dan penjagaan kesihatan walaupun dalam keadaan pasaran saham tidak menentu.

"Kami menjangka sektor ini akan terus mencatat prestasi mengalakkan walaupun keadaan pasaran tidak menentu di rantau ini mungkin menjejaskan pertumbuhan yang pesat ini.

"Kami akan meneruskan usaha untuk mengukuhkan semua bidang pengurusan dan operasi Kestrel Securities supaya dapat menawarkan perkhidmatan lebih cekap kepada pelanggan," katanya.

(END)